KANDUNGAN LIPUTAN HARIAN BULAN JULAI 2021

BIL.	TARIKH	TAJUK BERITA	MUKA SURAT
1.	05.07.2021	Polis Sita RM1.6B Aset Aktiviti Haram	2
2.	08.07.2021	Tiga Pengarah Direman Kes Rasuah	3
3.	10.07.2021	SPRM Reman Bekas Pengurus Besar AKSB	4
4.	10.07.2021	Doktor Veterinar Didakwa Terima Suapan RM58,617	5
5.	14.07.2021	Bekas Pegawai Tentera Perdaya RM8,500	6
6.	16.07.2021	RCI TH : Adakan Sesi Pendengaran Awam	7
7.	24.07.2021	Dua Pegawai Daerah Di Selangor Ditahan SPRM	8
8.	26.07.2021	Kakitangan LPNM Didakwa Palsu Dokumen	9
9.	28.07.2021	Rasuah : Bekas Pegawai Kerajaan Mohon Dibicara	10

Utusan Malaysia | 5 July 2021 | Page 1,8

Polis sita RM1.6b aset aktiviti haram

Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM dan MASZUREEN HADZMAN

pengarang@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Aktiviti pengubahan wang haram dengan aset yang disita bernilai RM1.6 bilion dalam tempoh lima tahun ini menunjukkan keseriusan jenayah berkenaan di negara ini selain dikhuatiri masih banyak lagi aset-aset daripada aktiviti sama belum dapat dikesan.

Ini kerana wang haram dalam jumlah banyak tersebut mampu memberikan kuasa ekonomi kepada penjenayah untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat dan perniagaan dengan membeli saham dan hartanah dalam syarikat sah.

Bersambung di muka 8

Polis beku RM1.68 bilion aset aktiviti haram

Dari muka 1

Melihat senario memudaratkan negara, Bahagian Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman, bergerak lebih agresif dengan menyita kira-kira RM1.6 bilion aset milik individu serta syarikat yang terlibat dalam pelbagai kes jenayah sejak 2017 hingga Mei lalu.

Dalam tempoh sama, menurut beliau, sebanyak 122,811,144 unit saham lagi dibekukan manakala 72,344,185 unit saham disita sepanjang proses siasatan.

Mendedahkan kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah JSJK, Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamaruddin Md. Din berkata, jumlah pembekuan dan penyitaan itu melibatkan pelbagai aset termasuk wang tunai, akaun bank, kenderaan, barang kemas dan hartanah.

Katanya, dalam tempoh itu, sebanyak 629 kertas siasatan dibuka iaitu 110 kes (2017), 127 kes (2018), 136 kes (2019), 164 kes (2020) dan 90 kes pada Januari hingga Mei lalu.

"Jumlah itu melibatkan pelbagai kes di jabatan-jabatan di bawah PDRM. Sebanyak 464 kes disiasat oleh JSJK diikuti Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) dengan 145 kes selain Cawangan Khas (enam kes), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (dua kes) dan 12 kes dari lain-lain jabatan.

"Antara kes-kes yang disiasat membabitkan penipuan Macau Scam serta kes 'public interest' seperti 1Malaysia Development Berhad (1MDB) pada 2018," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Kamaruddin, jenayah tersebut (pengubahan wang haram) perlu dibendung kerana mampu memberikan impak negatif terhadap ekonomi negara.

"Jika dibiarkan, tidak mustahil akan menyebabkan banyak perusahaan berteraskan jenayah berkembang di pasaran domestik dan secara tidak langsung menyebabkan pelabur asing hilang kepercayaan terhadap ekonomi kita.

MOHD. KAMARUDDIN MD. DIN

"Kita tidak menolak kemungkinan ada wang 'haram' yang dilaburkan dalam syarikat- syarikat sah dengan membeli hartanah atau saham demi menghalalkan duit tersebut," ujar beliau.

Mohd. Kamaruddin berkata, dalam tempoh tersebut seramai 91 orang ditangkap terdiri daripada 69 lelaki dan 22 wanita dan 846 membabitkan 846 pertuduhan.

Kata beliau, pihaknya memulakan siasatan apabila mendapati wujudnya terdapat aliran tunai tidak sah atau elemen pengubahan wang haram dalam kes yang disiasat.

Mengulas lanjut, Mohd. Kamaruddin berkata, fokus AMLA adalah untuk membuktikan kesalahan pengubahan wang haram yang berlaku daripada aktiviti jenayah berat dan hasil-hasil yang diperoleh daripada kesalahan yang dilakukan.

Jelasnya, cuci duit melibatkan tiga proses untuk 'menghalalkan' wang haram itu iaitu penempatan, pelapisan dan integrasi bagi mengaburi pihak berkuasa daripada mengesan sumber asal.

Bagaimanapun, tambah beliau, selain PDRM, agensi penguat kuasa lain juga mempunyai unit AMLA sendiri ialah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Jabatan Kastam Diraja.

Utusan Malaysia | 8 July 2021 | Page 12

Tiga pengarah direman kes rasuah

GEORGETOWN: Tiga pengarah syarikat direman empat hari di Mahkamah Majistret di sini semalam bagi membantu siasatan berhubung kes tohmahan rasuah membabitkan nilai RM65,000.

Perintah tahanan reman sehingga 10 Julai ini itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Georgetown, Balqis Roslin selepas permohonan dibuat Pegawai Permohonan Reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd. Azlan Basri.

Ketiga-tiga suspek lelaki berusia 29, 30 dan 37 tahun itu ditahan bagi membantu siasatan berhubung tohmahan mengemukakan tuntutan palsu pembekalan implan ortopedik kepada agensi-agensi bantuan antaranya Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Pusat Zakat.

Mereka ditahan kelmarin ketika hadir memberi keterangan berhubung kes itu di ibu pejabat SPRM di sini.

Terdahulu, kesemua suspek tiba di Kompleks Mahkamah Georgetown dengan berpakaian lokap SPRM dan bergari serta diiringi beberapa pegawai SPRM.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah 24(2) Akta yang sama.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah dipalsukan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Kesemua suspek yang kini ditahan di lokap SPRM Pulau Pinang untuk siasatan lanjut diwakili tiga peguam iaitu E. Grasegaran; Audrey Wee Li Ye dan R. Arvend.

TIGA pengarah syarikat direman empat hari di Mahkamah Majistret Georgetown, Pulau Pinang, semalam, bagi membantu siasatan berhubung kes tohmahan rasuah membabitkan nilai RM65,000.

Utusan Malaysia 10 Julai 2021
Sabtu

SPRM reman bekas pengurus besar AKSB

KOTA BHARU: Bekas Pengurus Besar Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) berumur 60 tahun antara tiga individu direman kerana disyaki terlibat dalam kes rasuah membabitkan projek bernilai lebih RM27 juta antara 2015 hingga 2019.

Menurut sumber SPRM, dua lagi yang ditahan bersama bekas Pengurus Besar tersebut adalah seorang pegawai AKSB berusia 39 tahun dan seorang pengurus projek sebuah syarikat berusia 43 tahun.

Perintah reman tiga hari dikeluarkan Majistret Rozaidi Yaacob di Mahkamah Majistret di sini hari ini mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah bagi memboleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan lanjut.

"Ketiga-tiga suspek ditahan secara berasingan selepas tampil di pejabat SPRM di sini bagi memberi keterangan, pada pukul 4.25 petang dan 6.30 petang semalam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut sumber itu lagi, ketiga-tiga suspek dipercayai menerima wang daripada beberapa syarikat untuk menjalankan projek AKSB diketuai bekas Pengurus Besar terbabit bagi tempoh 2015 hingga 2019.

> **"Ketiga-tiga suspek dipercayai menerima wang daripada beberapa syarikat untuk menjalankan projek AKSB..."**

"Pihak SPRM menjalankan siasatan terhadap kes itu selepas menerima maklumat orang ramai beberapa bulan lalu yang tidak berpuas hati dengan kualiti bekalan air di Kelantan," katanya.

Kes terbaharu ini merupakan antara kes berprofil tinggi membabitkan anak syarikat kerajaan negeri Kelantan yang sedang dalam siasatan pihak SPRM mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

Utusan Malaysia 10 Julai 2021 Sabtu

Doktor veterinar didakwa terima suapan RM58,617

SHAH ALAM: Seorang doktor veterinar mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tiga pertuduhan menggunakan jawatan untuk mendapatkan suapan RM58,617 bagi suaminya antara Ogos 2019 hingga Jun 2020.

Norhamizah Abdul Hamid, 42, turut mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan pilihan selepas jurubahasa membacakan kesemua pertuduhan di hadapan Hakim, Rasyihah Ghazali.

Pertuduhan pertama dan kedua, Norhamizah didakwa menggunakan jawatan mendapatkan suapan bagi suaminya, Iqramudy Sumin, 39, sebagai pemilik syarikat Iqmiz Enterprise.

Menurut fakta kes, tertuduh didakwa membuat syor memilih syarikat itu membekal peralatan klinik bergerak veterinar dan membekal peralatan makmal dengan harga RM19,720 dan RM19,937 pada 30 Ogos dan 11 November 2019.

Pertuduhan ketiga, pegawai veterinar gred GV44 itu didakwa membuat syor memilih syarikat sama melaksanakan kerja membekal makanan, makan tambahan (vitamin) dan syampu kucing dan anjing dengan harga RM18,960 pada 16 Jun 2020.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor di Seksyen 15, di sini.

Selain itu, Norhamizah turut didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan, ibu kepada seorang anak itu boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan.

Utusan Malaysia | 14 July 2021 | Page 26

Bekas pegawai tentera perdaya RM8,500

JOHOR BAHRU: Seorang bekas pegawai tentera didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru di sini kerana memperdaya seorang lelaki dengan meminta bayaran RM8,500 bagi membantu mendapatkan kerja penyelenggaraan di fasiliti tentera, lima tahun lalu.

Tertuduh, Mohd. Suhaizal Mat Sulaiman, 43, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut pertuduhan, Mohd. Suhaizal didakwa memperdaya mangsa berusia 37 tahun untuk mempercayai bahawa dia boleh membantu mendapatkan kerja senggaraan sivil, mekanikal dan elektrikal kemudahan infra latihan, Rumah Keluarga Angkat Tentera (RKAT) desa dan infra mekanikal Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (Pulada).

Lelaki itu dengan curang mendorong mangsa menyerahkan wang RM8,500 secara perbankan dalam talian ke akaun Maybank miliknya yang mana beliau tidak akan menyerahkan wang tersebut jika tidak diperdayakan.

Bekas pegawai tentera itu didakwa melakukan perbuatan itu di Maybank Jalan Dato Haji Hassan, Kampung Masjid Lama, Kluang antara 5 Februari dan 12 Februari 2016.

Oleh itu, tertuduh didakwa melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Bagi pertuduhan itu, tertuduh boleh dipenjara maksimum 10 tahun dengan sebatan dan boleh juga dikenakan denda.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Nor Syarina Raizan manakala tertuduh diwakili peguam, Abdul Rashid Tasin.

Utusan Malaysia | 16 July 2021 | Page 5

RCI TH: Adakan sesi pendengaran awam

PETALING JAYA: Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat isu-isu berbangkit mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) akan menjadi lebih efektif dan telus jika turut menggunakan kaedah sesi pendengaran awam.

Malah, langkah itu dapat membantu merungkai kegusaran sembilan juta pendeposit berhubung pengurusan kewangan institusi pengurusan ibadah terbesar negara itu.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia, Jais Abdul Karim menyifatkan kaedah itu akan membantu menjawab segala persoalan orang awam mengenai TH kerana ia juga melibatkan pendeposit jemaah haji.

"Tindakan dan perakuan sewajarnya mesti dikemukakan kepada kerajaan bagi memulihkan imej serta keyakinan rakyat terhadap kewibawaan TH, " katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Namun, apa yang lebih penting, Jais menganggap TH tidak seharusnya membiarkan organisasinya dijadikan sebagai isu politik.

"Wujud desas-desus mengatakan kerajaan Pakatan Harapan (PH) terpaksa melakukan pelbagai tindakan drastik akibat kelemahan pengurusan TH semasa pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Isu dan pertikaian ini membuatkan rakyat semakin hilang keyakinan terhadap TH dalam menguruskan jemaah haji dengan selamat. Harus diingatkan bahawa TH bukanlah 'medan parti politik' tapi sebaliknya matlamat utama TH adalah untuk menyediakan peluang seluas-luasnya bagi rakyat Islam negara ini dapat menunaikan ibadah haji dan ianya perlu dipelihara dengan sebaiknya," katanya.

Sementara itu, Kementerian Kewangan akan memperkenalkan dasar model baharu operasi TH dan menyemak semula pindaan Akta Tabung Haji 1995.

Kementerian itu menerusi kenyataan memaklumkan, cadangan model baharu operasi TH itu akan diteliti secara bersama Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) dan TH.

"Mesyuarat Jemaah Menteri juga bersetuju dengan penyenaraian TH sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang ditetapkan di bawah seksyen 223 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh BNM," ujarnya.

Utusan Malaysia | 24 July 2021 | Page 11

Dua Pegawai Daerah di Selangor ditahan SPRM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua orang bekas Yang Dipertua (YDP) majlis perbandaran di Selangor kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek dan pemaju perumahan di kawasan masing-masing.

Menurut sumber, kedua-dua YDP tersebut yang kini memegang jawatan Pegawai Daerah (DO) berusia 47 tahun itu ditahan di Ibu pejabat SPRM ketika hadir memberikan keterangan lewat malam tadi.

Katanya, seorang kontraktor yang terlibat juga turut ditahan bagi membantu siasatan kerana merasuah kedua-dua suspek bagi membolot projek-projek yang ditawarkan di dua majlis perbandaran yang diketuai kedua-dua YDP tersebut.

"Kontraktor terbabit berusia 42 tahun dipercayai mengawal 16 syarikat yang didaftarkan atas nama saudara dan pekerja-pekerja beliau bagi mendapatkan projek-projek di dua majlis perbandaran tersebut.

"Dianggarkan projek-projek yang dimonopoli mencecah jutaan ringgit sejak tahun 2018 hingga tahun ini," katanya.

Sumber menjelaskan, bagi setiap projek yang diperoleh, kedua-dua bekas YDP tersebut menerima habuan rasuah sebanyak lima peratus dari nilai projek.



DUA bekas YDP Majlis Perbandaran di Selangor ditahan SPRM kerana disyaki menerima rasuah daripada kontraktor projek perumahan di Mahkamah Majistret, Putrajaya. - UTUSAN/FAIZ ALIF

Selain itu, sumber memberitahu, pelbagai bentuk suapan rasuah diberikan kepada kedua-dua suspek termasuk sebuah rumah bernilai RM1 juta, wang tunai berjumlah RM500,000 dan pakej pelancongan ke Eropah bagi meluluskan kebenaran merancang dan pembangunan milik sebuah syarikat pemaju perumahan.

"Beberapa siri serbuan telah dibuat di sekitar Selangor sejak awal pagi semalam. Siasatan dijalankan di bawah seksyen 17 (a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Jika disabit kesalahan, boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan didenda lima kali ganda nilai suapan," katanya.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya mengesahkan tangkapan tersebutm tetapi enggan mengulas lanjut.

Terdahulu, ketiga-tiga yang ditahan dihadapkan ke Mahkamah Majistret Putrajaya dan permohonan reman diluluskan Majistret, Shah Wira Abdul Halim pagi semalam di bawah Seksyen 117 Kanun Acara Jenayah sebanyak enam hari bermula semalam hingga 28 Julai.

Utusan Malaysia | 26 July 2021 | Page 13

Kakitangan LPNM didakwa palsu dokumen

JOHOR BAHRU: Seorang Pembantu Ehwal Ekonomi di Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini bagi empat pertuduhan memalsukan dokumen pembekalan benih nanas dengan jumlah keseluruhan RM41,025, enam tahun lalu.

Tertuduh, Hasren Amat Sibani@Fahrudin, 40, yang berjawatan Gred E19 di agensi itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan dengan niat untuk memperdaya LPNM suatu dokumen pesanan pembekalan benih nanas yang mengandungi butiran matan palsu iaitu pembekalan benih nanas tidak dibekalkan seperti mana dalam tuntutan.

HASREN Amat Sibani@Fahrudin didakwa atas pertuduhan memalsukan dokumen pembekalan benih nanas di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Lelaki itu didakwa melakukan perbuatan terbabit di Pejabat LPNM Wilayah Selatan di dalam Daerah Pontian pada April, Mei dan Disember 2015.

Bagi perbuatan itu, Hasren didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika disabit kesalahan.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Ihsan Jaladin manakala tertuduh diwakili peguam Mohd. Salleh Togimin.

Ikhwan Ihsan mengemukakan jaminan berjumlah RM30,000 bagi perbuatan yang dilakukan. Namun, Mohd. Salleh memohon jaminan dikurangkan kerana tertuduh menanggung seorang isteri, tiga anak serta dua anak saudara selain perlu menjalani rawatan fisioterapi ekoran bahagian badannya terbakar selepas terlibat kemalangan.

Utusan Malaysia | 28 July 2021 | Page 12

Rasuah: Bekas pegawai kerajaan mohon dibicara

JOHOR BAHRU: Bekas Ketua Penolong Pegawai Daerah Segamat didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini hari ini atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM10,000, Oktober tahun lalu.

Tertuduh, Nazri Izuddin Madon, 37, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa secara rasuah memperoleh suapan wang tunai RM10,000 daripada seorang individu.

Perbuatan itu sebagai dorongan bagi tertuduh untuk melantik syarikat tertentu melaksanakan kerja projek bantuan rumah negeri Johor dan projek kerja kecil dalam daerah Segamat bagi tahun lalu.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di Pejabat Daerah Segamat, kira-kira pukul 2.45 petang pada 19 Oktober 2020.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta yang sama.

Perbuatan itu membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

Kes tersebut dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Zander Lim Wai Keong, manakala tertuduh diwakili peguam, Abdul Rahim Ali.

Hakim kemudian memerintahkan tertuduh dijamin RM7,000 dengan seorang penjamin, pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah selain perlu melapor diri di Pejabat SPRM Negeri Johor setiap bulan. Sebutan semula kes ditetapkan pada 16 Ogos ini bagi penyerahan dokumen.

NAZRI Izuddin Madon (kanan) mengaku tidak bersalah menerima rasuah RM10,000 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI